

Perlu Ambil Kira Kepentingan Bukan Melayu – Zahid Hamidi

Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister

zahidhamidi.com

August 31, 2016

By Admin

Bukan hanya golongan melayu, golongan bukan melayu juga perlu diambil kira dan kepentingan kerana parti tunjang Barisan Nasional (BN) adalah parti untuk semua dan sentiasa mendapat sokongan mereka dalam pilihan raya umum selama ini.

Oleh yang demikian UMNO masih dan tetap memerlukan sokongan pengundi bukan melayu pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) nanti.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, pilihan raya umum ke-14 yang akan datang nanti, UMNO sebagai tulang belakang BN harus ambil kepentingan orang bukan melayu untuk membantu kemenangan BN selain mendapat sokongan orang melayu.

Zahid Hamidi turut mengingatkan pemimpin UMNO supaya sentiasa mendahulukan perpaduan dan persiapan bagi menghadapi PRU14 yang akan datang daripada memfokuskan kepada pemilihan parti.

Zahid Hamidi berkata demikian ketika berucap merasmikan persidangan perwakilan UMNO Bahagian Sungai Besar. Turut hadir bersama, Pengerusi UMNO Selangor Tan Sri Noh Omar, Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar Datuk Jamal Yunus, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim dan Ahli Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd Zohdi.

Zahid Hamidi juga berkata, kemenangan BN di Sabah dan Sarawak selama ini adalah kerana mendapat sokongan dan dukungan bukan Bumiputera, oleh itu kita perlu mengambil contoh keatas perpaduan yang ditunjukkan oleh pemimpin dan rakyat di Sabah dan Sarawak untuk mendapat kemenangan pada PRU14 itu nanti.

Timbalan Perdana Menteri turut mengingatkan pemimpin Barisan Nasional (BN) untuk berlaku adil dengan semua kaum, kerana semangat perpaduan itu menjadi teras kejayaan parti membangunkan negara ini.

Beliau mahu semua pemimpin UMNO perlu dilihat sebagai pemimpin dan ketua yang adil agar pengundi dan rakyat terus menghargai dan menyokong BN.

Zahid Hamidi berkata, ujian sebenar kepada kedua-dua UMNO bahagian itu ialah pada pilihan raya umum (PRU) akan datang, apabila tiada lagi orang luar datang untuk membantu mereka berkempen.

Harus di ingat, kemenangan selesa calon Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar banyak dipengaruhi oleh faktor jentera luar yang berkampung untuk membantu calon.

Jadi, masih ada kerja yang perlu dibuat kerana cabaran dalam PRU nanti adalah sangat berbeza. Namun, yang paling ketara ialah BN dan UMNO berjaya menembusi kawasan Sekinchan yang dianggap lubang untuk DAP.”

“Kepada BN dan UMNO Selangor, saya sering kali mengulangi keyakinan bahawa kita mampu tawan semula negeri ini. Percayalah, masih ada sinar di hujung terowong dan semoga perjuangan kita mendapat rahmat daripada Allah.”

Dalam pada itu Zahid Hamidi turut melancarkan buku hasil nukilan Anggota Parlimen Sungai Besar Budiman Mohd Zohdi berjudul “Buku Biru, 10 Sebab Budiman Pilih UMNO.”

Blog at WordPress.com. Follow ZAHID HAMIDI - Deputy Prime Minister of Malaysia

Source: <https://zahidhamidi.com/2016/08/31/perlu-ambil-kira-kepentingan-bukan-melayu-zahid-hamidi/>